

Ribuan ikan duri timbul

Nibong Tebal: Penduduk yang tinggal berhampiran tebing Sungai Kerian di sini, terpaksa menghidu bau busuk akibat ribuan ikan duri yang mati sejak dua hari lalu, terapung di permukaan sungai berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Seri Ampangan Ahmad Furanji Shariff berkata, keadaan itu menyebabkan aktiviti seharian penduduk terjejas.

Beliau berkata, pintu air berhampiran yang ditutup turut menyebabkan ikan berkenaan terus terapung di kawasan tebing sungai berhampiran kediaman penduduk berikutan aliran air tersekat.

“Akibat aliran air tersekat, bau busuk dan hanyir ikan yang mati itu semakin serius hingga menimbulkan rasa kurang selesa terutama bagi mereka yang tinggal berhampiran tebing sungai.

“Diharapkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau Jabatan Alam Sekitar (JAS) mahupun Jabatan Perikanan dapat bertindak segera bagi menyelesaikan masalah ini,” katanya.

Tinjauan Harian Metro mendapati, hanya spesies ikan duri sahaja ditemui terapung di sungai berkenaan dan nelayan tempatan tidak menolak ia akibat pencemaran air.



RIBUAN ikan duri yang mati terapung di permukaan air sepanjang perairan Sungai Kerian.